

Khairy tolak cabaran debat Rafizi
Malaysian Insider
Sept 4 , 2013
OLEH MOHD FARHAN DARWIS

Ketua Pemuda Umno Khairy Jamaluddin (gambar) menolak pelawaan debat Rafizi Ramli berhubung isu kenaikan harga minyak, sebaliknya menyarankan Pengarah Strategi PKR itu membawanya ke Parlimen memandangkan beliau kini merupakan anggota Dewan Rakyat.

Menteri Belia dan Sukan itu menegaskan Rafizi yang juga ahli Parlimen Pandan seharusnya menggunakan platform di Dewan Rakyat memandangkan ianya melupakan pentas terbaik untuk berdebat.

"Dulu saya terima berdebat dengan dia berkenaan isu PTPTN kerana dia bukan anggota Parlimen ... tetapi sekarang dia sudah jadi ahli Parlimen," kata Khairy ketika sidang media di PWTC lewat petang tadi di Kuala Lumpur.

"Isu mengenai harga minyak boleh bawa dan bahas dalam Parlimen, itu tempat terbaik," katanya kepada pemberita.

Rafizi ketika sidang media di Ibu Pejabat PKR baru-baru ini membuat cabaran untuk berdebat dengan Khairy berhubung kenaikan harga minyak sebanyak RM0.20.

Khairy bagaimanapun dalam sidang media sama turut berkata Putrajaya juga seharusnya memainkan peranan dalam bersama rakyat bagi mengurangkan beban fiskal kerajaan.

"Pemuda Umno minta kerajaan sama-sama kongsi beban kurangkan defisit fiskal kerajaan.

"Kerajaan perlu buktikan melalui penjimatan dan juga usaha mengelak ketirisan dalam perbelanjaan kerajaan berlaku," katanya.

Khairy juga menegaskan Putrajaya seharusnya menghapuskan monopoli sesetengah barangan bagi memastikan kadar kenaikan harga yang disebabkan oleh kenaikan minyak berada pada tahap yang munasabah.

"Ia beri kesan kepada rakyat dan mereka lihat kerajaan serius," katanya lagi.

"Kalau kita lebaralisasikan monopoli ia beri kesan pada harga dan kos sara hidup rakyat," tambah ahli Parlimen Rembau itu lagi.

"Program rasionalisasi subsidi perlu ditanggung semua pihak," katanya.

Pemuda Umno juga tegasnya mengharapkan Putrajaya tampil dengan Belanjawan 2014 yang turut mengambil kira faktor peningkatan kos Sara hidup rakyat berondap rendah dan sederhana.

Mengulas berhubung penahanan Saterawan Negara Datuk A. Samad Said, Khairy menjelaskan pihak polis hanya mengambil keterangan dan bukan menahan aktivis berkenaan.

"Masa dia buat program Sang Saka rilek je tengah malam. Polis bukan humber dalam penjara pun, terpulanglah kepada polis, mereka nak buat soal siasat sahaja," katanya. – 4

September, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/khairy-tolak-cabaran-debat-rafizi>